

05/11/1998

## Operasi Pelabuhan Klang dipertingkat

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini meluluskan beberapa langkah meningkatkan penggunaan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan nasional termasuk meluluskan penubuhan Syarikat Perantaraan Nasional.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata syarikat itu bertanggungjawab membawa kargo dari pelabuhan tempatan seperti Pulau Pinang, Pasir Gudang, Kuantan, Kota Kinabalu, Kuching, Kudat dan Tawau ke Pelabuhan Klang yang menjadi pusat pemunggahan nasional.

Katanya, syarikat itu juga akan berusaha menarik kargo dari pelabuhan serantau lain seperti Madras, Bombay, Chittagong, Yangon, Belawan dan Tanjung Periok untuk dibawa ke Pelabuhan Klang.

"Semua pelabuhan di negara ini akan menjadi pemegang ekuiti syarikat berkenaan.

"Syarikat itu bukan bertujuan bersaing dengan syarikat perantaraan lain, sebaliknya mereka saling melengkapi," katanya di sini, hari ini.

Cadangan penubuhan syarikat itu dikemukakan peserta program dialog pengguna pelabuhan tempatan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir bulan lalu.

Mengenai modal awal syarikat berkenaan, Dr Ling berkata, butiran terperinci mengenai syarikat berkenaan akan dibincangkan kemudian.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan syarikat kecil lain bergabung membentuk Syarikat Perantaraan Nasional.

"Tidak semua syarikat perlu bergabung kerana kewujudan syarikat perantaraan kecil juga penting," katanya.

Selain itu, Kabinet bersetuju memberi insentif tambahan kepada pelanggan yang menggunakan pelabuhan Klang, antaranya mengagihkan perolehan semula jumlah kerugian yang ditanggung berikutan tindakan pengguna menggunakan pelabuhan Singapura.

"Kerajaan bersetuju untuk menilai kerugian yang ditanggung apabila pelanggan menggunakan pelabuhan Singapura.

"Jika kerugian itu dapat ditampung semula dengan menarik kembali pelanggan tempatan ke Pelabuhan Klang, kerajaan bersetuju membahagi dua perolehan semula hasil tindakan itu dengan pelanggan, mungkin dalam bentuk pemberian diskaun," katanya.

Sebelum ini dilaporkan, Malaysia terpaksa menanggung kerugian antara RM3 hingga RM5 bilion setahun kerana pengimport dan pengeksport lebih gemar menggunakan pelabuhan Singapura.

Katanya, Kabinet juga meminta Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) lebih berfungsi berbanding kini bagi memastikan program pemusatan pemunggahan di Pelabuhan Klang berjaya dilaksanakan.

Di samping itu, katanya, media juga diminta menerbit dan menyiarkan program khas mengenai Pelabuhan Klang seminggu sekali bagi meningkatkan pengetahuan pelanggan dan rakyat mengenai pelabuhan Klang.

"RTM 1, RTM 2 dan TV3 diminta menerbitkan program khas Pelabuhan Klang setiap minggu," katanya.

(END)